

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah dan akan dibuat bagi menangani isu kemalangan negeri yang melibatkan pengangkutan awam terutamanya bas ekspres.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan peruntukkan di dalam Akta Pengangkutan Awam Darat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) boleh mengambil tindakan seperti penggantungan atau pembatalan lesen pengendali atas kesalahan melanggar syarat lesen atau pelaksanaan yang tidak berkesan.
2. Susulan beberapa siri kemalangan bas ekspres pada awal tahun yang lalu, perjumpaan antara Agensi-agensi Kerajaan dan Persatuan Pengendali bas ekspres telah diadakan pada 24 April 2014.
3. Agensi-agensi yang terlibat adalah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Institut Kajian Keselamatan Jalan Raya Malaysia (*Malaysian Institute of Road Safety Research – MIROS*), PUSPAKOM dan Kementerian Kesihatan.
4. Perjumpaan tersebut telah membincangkan beberapa inisiatif jangka pendek dan jangka panjang yang akan dijalankan secara bersepadu dalam mengatasi isu kemalangan bas ekspres.
5. Semua pihak bersetuju untuk memberi penekanan serius kepada aspek pelaksanaan Tatacara Amalan Industri (*Industrial Code of Practice*) atau lebih dikenali sebagai SPAD ICOP-Keselamatan berhubung:

- (i) pengurusan keselamatan
- (ii) pengurusan pemandu
- (iii) pengurusan kenderaan bas
- (iv) pengurusan risiko perjalanan; dan
- (v) pengurusan rekod

6. Perjumpaan juga akan dilakukan secara berkala sehingga tindakan yang dirancang selesai dirangka dan dilaksanakan oleh semua pihak secara berkesan.

7. Disamping itu, S.P.A.D juga telah mewajibkan pemasangan sistem kedudukan sejagat (*Global Positioning System*–GPS) pada semua bas ekspres. Kenderaan yang gagal berbuat demikian akan digantung perkhidmatannya.

8. Bagi memastikan pelaksanaan yang efektif, pengendali akan memberi kerjasama untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (i) memantau had laju bagi setiap perjalanan harian bas ekspres melalui sistem GPS dan mengemukakan laporan pemantauan had kelajuan GPS kepada S.P.A.D. secara berkala. Audit akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pihak pengendali sentiasa menjalankan pemantauan tersebut;
- (ii) mempamerkan nombor hotline syarikat di bahagian dalam bas supaya penumpang boleh membuat aduan terus kepada pengendali sekiranya bas dipandu dalam keadaan yang tidak selamat; dan

- (iii) mengemaskini data maklumat pemandu dan dihantar kepada SPAD secara terus melalui penggunaan sistem '*SPAD Driver Information System*' bagi tujuan pemantauan.

Sekian, terima kasih.